

## **Statistik Penguatkuasaan**

Seperti yang dinyatakan dalam [\*\*Ringkasan Penguatkuasaan\*\*](#), kami berusaha untuk mencegah pelanggaran/ketidakpatuhan peraturan yang mungkin berlaku pada masa hadapan, mendidik peserta pasaran dan menyemai budaya pematuhan serta standard tatalaku perniagaan dan amalan tadbir urus korporat yang lebih baik melalui tindakan penguatkuasaan yang diambil.

Selaras dengan matlamat tersebut, kami telah sejak beberapa tahun lepas mengambil pelbagai tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran peraturan-peraturan kami.

Pada tahun 2018, tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap 15 buah Syarikat Tersenarai Awam ("PLC"), 22 orang pengarah (dari 5 buah PLC) dan 1 individu lain untuk pelbagai kes pelanggaran Syarat Penyenaraian, berbanding 9 buah PLC dan 21 orang pengarah (dari 6 buah PLC) pada tahun 2017.

Tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap pihak-pihak tersebut merangkumi teguran peribadi atau teguran awam berserta denda dan/atau arahan. Butiran tindakan penguatkuasaan (teguran dan ke atas) yang dilaksanakan/diambil pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti yang tertera di bawah:-

Penalti yang dikenakan	PLC		Pengarah	
	2017	2018	2017	2018
Teguran awam dan denda	-	-	19	19
Teguran awam	8	10	2	4
Teguran peribadi	2	5	-	-
Jumlah PLC/pengarah/individu yang lain#	9	15	21	23
Jumlah denda dikenakan (RM)	-	-	<b>5,040,800</b>	<b>4,910,400</b>

# lebih daripada satu penalti mungkin dikenakan terhadap seorang pengarah, PLC atau mana-mana individu lain tertakluk kepada Syarat Penyenaraian.

^ termasuk mana-mana individu lain yang tertakluk kepada Syarat Penyenaraian.

Selain daripada penalti yang dikenakan di atas, kami juga mengeluarkan arahan kepada PLC untuk menjalankan semakan terhad ke atas laporan suku tahunan dan arahan kepada pengarah/kakitangan PLC yang berkenaan untuk menghadiri program latihan berkaitan dengan laporan kewangan dan pematuhan kepada Syarat-Syarat Penyenaraian seperti berikut:

	2017	2018
Semakan terhad ke atas laporan suku tahunan	3	8
Program Latihan Pengarah	6	11

Secara amnya, kami mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran yang berkaitan dengan aspek berikut:-

- laporan kewangan (iaitu keperluan untuk mengemukakan penyata kewangan yang tepat mengikut masa yang ditetapkan);
- kelewatan dalam membuat pengumuman penting (contohnya kegagalan membayar kemudahan kredit yang material, litigasi yang material, maklum balas tidak tepat terhadap pertanyaan mengenai Aktiviti Pasaran Luar Biasa ("Unusual Market Activity query") serta pengumuman bahawa syarikat boleh diklasifikasikan sebagai syarikat yang tidak mempunyai kedudukan kewangan yang mencukupi/syarikat yang dibebani masalah kewangan);

- kegagalan mematuhi keperluan tadbir urus korporat (contohnya kegagalan melaksanakan fungsi audit dalaman), syarat-syarat penyenaraian asing (“foreign listing requirements”), arahan-arahan Bursa Malaysia Securities Berhad; dan
- syarat-syarat bagi transaksi pihak yang berkaitan (“related party transactions”).

Kami memandang serius terhadap pelanggaran berkaitan dengan laporan kewangan (iaitu keperluan untuk mengemukakan penyata kewangan yang tepat mengikut masa yang ditetapkan) kerana penyata kewangan yang dikemukakan dengan tepat mengikut masa yang ditetapkan adalah sangat penting bagi membantu dalam membuat keputusan pelaburan serta memastikan pasaran yang saksama dan teratur untuk sekuriti yang didagangkan di Bursa Malaysia. Walau bagaimanapun, penerbit tersenarai telah mencatatkan peningkatan yang ketara dari aspek pematuhan oleh PLC terhadap keperluan tersebut, berdasarkan penurunan melebihi 50% untuk kesalahan sebegini sejak tahun 2008 (tahun kami mula mengambil tindakan penguatkuasaan pengarah yang lebih ketat).

Bagi kesalahan melanggar Peraturan Perniagaan, tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap syarikat (iaitu Organisasi Peserta, Peserta Dagangan, dsb.) dan Orang Berdaftar dan tindakan penguatkuasaan utama adalah berkenaan dengan kesalahan-kesalahan penyeliaan dan salah laku pasaran/dagangan oleh Orang Berdaftar.

Butiran tindakan penguatkuasaan (denda dan ke atas) yang diambil terhadap kesalahan melanggar Peraturan Perniagaan pada tahun 2017 dan 2018 adalah seperti berikut:-

Jenis tindakan yang diambil #	Bil. Syarikat		Bil. Orang Berdaftar		Jumlah	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
Teguran peribadi dan/atau denda/denda tertangguh dan/atau penggantungan dan/atau latihan wajib	3	1	1	-	4	1
Teguran awam dan denda/denda tertangguh dan/atau penggantungan/penggantungan tertangguh/pembatalan daripada daftar peserta dan/atau latihan wajib	-	-	6	7	6	7
Jumlah	3	1	7	7	10	8
Jumlah denda dikenakan (RM)	9,000	-	158,000	312,100	167,000	312,000

# lebih daripada satu tindakan mungkin telah dikenakan terhadap syarikat atau Orang Berdaftar.

Pada tahun 2018, tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap 1 buah syarikat (berbanding 3 buah syarikat pada 2017) dan 7 Orang Berdaftar (sama seperti pada 2017) untuk pelbagai kes pelanggaran Peraturan Perniagaan.

Tindakan penguatkuasaan yang diambil pada tahun 2018 termasuk teguran (awam dan peribadi), penyingkiran, penggantungan/penggantungan tertangguh, keperluan untuk menghadiri latihan serta denda berjumlah RM312,100 (berbanding RM167,000 pada tahun 2017). Selain teguran umum dan denda, penggantungan/penggantungan tertangguh atau penyingkiran juga dikenakan terhadap kesemua 7 Orang Berdaftar pada tahun 2018. Sebahagian besar tindakan penguatkuasaan yang diambil melibatkan kes kesalahan pasaran (“market offences”), dagangan tanpa kebenaran/kesalahan berkaitan penggunaan akaun/maklumat pelanggan, amalan yang melanggar undang-undang/luar aturan (“irregular”)/tidak sihat dan pelanggaran peraturan akaun.

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mendidik para peserta pasaran, memaklumkan kepada pasaran mengenai jenis-jenis tindakan yang diambil, menyemai keyakinan dalam pasaran dan memastikan ketelusan dalam tindakan penguatkuasaan kami, maklumat mengenai kesalahan melanggar Peraturan yang biasa berlaku telah dimuat naik di [laman web](#) kami. Bagi tindakan yang melibatkan [teguran awam](#), kenyataan media (bersama dengan asas keputusan berkenaan pelanggaran tersebut) turut dikeluarkan.